

# Air antara 4 isu dibincang semula

UM - 4 SEP 2001

Oleh  
SAIFULIZAM MOHAMAD

**K**UALA LUMPUR 3 Sept. — Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yakin pakej perbincangan antara Malaysia dan Singapura yang telah tertangguh sejak setahun lalu dapat diselesaikan.

Beliau percaya kerajaan kedua-dua negara akan terus berusaha menyelesaikan isu-isu yang terdapat di dalam pakej tersebut dengan segera melalui rumusan-rumusan yang memuaskan hati kedua-dua pihak.

Empat isu yang terkandung dalam pakej tersebut ialah membekalkan air ke Singapura, isu tanah Keretani Tanah Melayu (Tanjung Pagar) juga melibatkan Pusat Peme-

riksaan Kastam dan Kuarantin (CIQ), Skim Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) yang melibatkan pekerja Malaysia serta penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura (RAF).

Sehubungan itu, Syed Hamid menjangkakan isu-isu yang berbangkit di dalam pakej tersebut akan diperbincangkan semula oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew pada pertemuan mereka esok.

“Saya tidak tahu agenda yang akan diperbincangkan esok tetapi saya menjangka kedua-dua pemimpin utama ini akan turut menyentuh isu-isu yang terkandung di dalam pakej perbincangan.

“Ini kerana ia telah tertangguh sejak setahun lalu selepas lawatan terakhir Lee ke negara ini pada Ogos tahun lalu,” katanya kepada pemberita selepas majlis makan tengah hari bersama pemimpin kanan Singapura itu di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas ditanya mengenai kemungkinan pakej perbincangan yang tertangguh sejak setahun lalu akan diperbincangkan dalam pertemuan antara Dr. Mahathir dan Lee esok.

Sebelum ini, Kerajaan Malaysia dan Singapura bersetuju untuk menyelesaikan pelbagai isu yang membabitkan hubungan kedua-dua negara.

Isu-isu yang berbangkit itu kemudiannya telah dimasukkan ke dalam satu

pakej perbincangan kedua-dua negara sebagai keutamaan yang perlu diambil perhatian.

Bagaimanapun Syed Hamid berkata, empat isu yang dalam pakej tersebut **munekin** tidak dapat diselesaikan dalam waktu terdekat ini.

“Tetapi sekurang-kurangnya pertemuan kedua-dua pemimpin utama negara esok mampu merintis satu jalan ke arah menyelesaikan segala perkara yang menjadi isu sebelum ini. Saya berharap terdapat perkembangan positif ke arah menyelesaikan isu-isu yang berbangkit yang terkandung di dalam pakej ini,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata lawatan Lee kali ini turut merupakan usaha untuk mengeratkan hubungan dua negara.